

TEKS UCAPAN PERASMIAN
YANG BERUSAHA ENCIK AHMAD SAIFFUL BIN SALIHIN
PEMANGKU PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI
SARAWAK

DI MAJLIS PERASMIAN
PROGRAM RAKAN SAINTIS SUNGAI (KEM RSS)
SEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2019

LOJI RAWATAN AIR BATU KITANG
5 OKTOBER 2019

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran kehadiran Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bertemu pada pagi yang berbahagia ini dalam Majlis Perasmian Penutup Program Rakan Saintis Sungai Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2019 Di Loji Rawatan Air Batu Kitang, Kuching.

2. Program Rakan Saintis Sungai (RSS) ini telah bermula sejak semalam pada 4 Oktober 2019 di Sumiran Ecocamp & Training Centre, Kuching. Program ini dilaksanakan dengan konsep dan pendekatan terkini, pengisian acara yang lebih interaktif dan praktikal di mana para peserta didedahkan dengan pelbagai aktiviti seperti ceramah dan kuiz alam sekitar, Program Pengawasan Sungai, River-Lego Challenge, River Safety, River Safety: Life Jacket Demonstration, Adventure Trail, Permainan Alam Sekitar dan Persembahan Pentas berkonsepkan "Sayangi Sungai Kita" serta Lawatan Sambil Belajar ke Loji Rawatan Air Batu Kitang, Kuching.

3. Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih di atas kesudian pihak Chemical Company of Malaysia Berhad yang telah menaja program ini di mana, Negeri Sarawak telah dipilih oleh pihak Chemical Company of Malaysia Berhad sebagai lokasi bagi pelaksanaan program RSS yang merupakan program tahunan syarikat ini. Terima kasih juga diucapkan atas kehadiran para murid serta guru pengiring dari 5 buah sekolah iaitu SMK St. Thomas, SMK St. Mary, SMK Pending, SMK Batu Lintang dan SMK Datuk Patinggi Haji Abdul Gapor yang sudi meluangkan masa menyertai Program RSS pada kali ini. Kehadiran murid-murid serta tuan puan menunjukkan komitmen dan keprihatinan yang tinggi terhadap program alam sekitar bagi memastikan kelestarian alam sekitar sentiasa terpelihara.

Hadirin sekalian,

4. Hari Alam Sekitar Negara (HASN) yang dahulunya dikenali sebagai Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM), merupakan acara tahunan yang disambut pada tarikh 21 Oktober di Malaysia. Sambutan pada tahun ini merupakan sambutan kali yang ke 27 semenjak ianya diperkenalkan pada tahun 1991, berikutan termaktubnya Deklarasi Langkawi Mengenai Alam Sekitar pada tahun 1989 sempena Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel yang diadakan pada tahun yang sama. Penjenamaan semula MASM kepada HASN ini adalah bertujuan supaya masyarakat dapat menjiwai rasa kecintaan yang tinggi terhadap alam sekitar apabila ianya dikenali sebagai 'Hari Alam Sekitar Negara'. Tema Sambutan Hari Alam Sekitar Negara pada tahun ini ialah "*No Single Use Plastic*" dengan slogan "Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama" amat bertepatan dengan matlamat Kerajaan untuk tidak meletakkan tanggungjawab ke atas alam sekitar kepada Kerajaan semata-mata,

malahan juga kepada semua lapisan masyarakat kerana alam sekitar ini adalah sebenarnya “suatu” yang kita kongsi bersama. Pencemaran plastik adalah masalah global yang perlu ditangani dengan cara yang mapan. Malaysia merancang untuk menangani plastik sekali guna ini dengan menggalakkan industri plastik untuk beralih kepada produk yang mesra alam. Ini akan memastikan industri dapat terus berkembang dengan mengadaptasi teknologi hijau, dan pada masa yang sama dapat memelihara alam sekitar.

5. Sungai boleh membawa sisa plastik dari daratan ke laut, menjadikan sisa plastik penyumbang terbesar kepada pencemaran air laut. Merujuk maklumat dari UN Environment (United Nations Environment Programme) , kira-kira 8 juta tan plastik berakhir di lautan setiap tahun. Bagaimana plastik tersebut boleh sampai ke sana? Kebanyakannya datang melalui sungai yang merupakan saluran sampah dari bandar-bandar ke kawasan marin. Sisa plastik samada di sungai, laut atau daratan boleh kekal di kawasan tersebut berabad-abad lamanya kerana tidak mudah degradasi.

6. Negeri Sarawak mempunyai kepelbagaian biodiversiti flora dan fauna yang tinggi dan unik. Kita juga mempunyai pakej alam sekitar yang lengkap, dengan pantai yang cantik, hutan yang menebal dengan pergunungan yang sejuk mata memandang, hidupan liar yang endemik dan hanya terdapat di Kepulauan Borneo ini. Kesemua faktor ini ditambah dengan alam sekitar bersih dan terpelihara sangat berpotensi besar menarik kedatangan pelancong dan seterusnya meningkatkan ekonomi kita. Yang penting, kita sama-sama berusaha memastikan alam sekitar kita terus terpelihara walaupun kita berada di landasan ke arah pembangunan yang semakin pesat di Negeri Sarawak ini.

7. Oleh itu, saya ingin menyeru agar semua hadirin sekalian supaya mengambil inisiatif untuk mula memainkan tanggungjawab masing-masing dan lebih komited dalam menjaga dan memelihara alam sekitar di Negeri Sarawak. Mulakan dari amalan kita sendiri. Antara usaha yang boleh diambil bagi menangani masalah pencemaran plastik sekali guna adalah mengurangkan atau menghentikan penggunaan botol plastik sekali guna, pembungkus makanan plastik/ beg plastik dan straw plastik dan menggantikan dengan produk serta bahan yang lebih mesra alam. Selain itu, cuba kurangkan penjana sampah masing-masing, guna semula atau kitar semula sebanyak yang mungkin, ambil inisiatif untuk melupuskan buangan elektrik dan elektronik dengan sewajarnya, elakkan daripada ianya dilupuskan di tapak-tapak pelupusan dan mencemarkan sumber bekalan air kita, jaga kebersihan dan persekitaran kita. Tidak membuang sampah merata-rata dan elakkan melakukan pembakaran terbuka. Kita perlu ingat bahawa parit (storm water drain) di sekeliling rumah kita sepatut kering jika tidak hujan.

8. Sehubungan ini juga, suka saya nyatakan bahawa JAS sedang mengadakan kempen pengumpulan buangan elektrik dan elektronik atau E-waste bagi mengelakkan ianya dari dilupuskan sewenang-wenangnya dan mencemarkan alam sekitar serta memudaratkan kesihatan. Kami telah bekerjasama dengan beberapa pihak untuk menjalankan kempen pengumpulan E-waste bagi memudahkan orang awam melupuskan E-waste masing-masing. Oleh itu, saya meminta sokongan para murid semua untuk mewar-warkan kempen ini di sekolah masing-masing dan membantu JAS di dalam usaha melencongkan e-waste dari dilupuskan di tapak-tapak pelupusan sedia ada kerana e-waste memerlukan pengurusan yang lebih kompleks berbanding sisa pepejal yang biasa kerana ianya mempunyai komposisi logam-logam yang boleh mencemarkan sumber air dan kesihatan kita.

Murid-murid sekalian,

9. Program Pengawasan Kualiti Air Sungai Jabatan Alam Sekitar (JAS) dibuat setiap tahun bagi menentukan kualiti air sungai dan mengesan perubahan ke atas kualiti air sungai. Sampel-sampel air sungai diambil dari stesen-stesen yang telah ditetapkan dan diukur kualitinya secara *in-situ* serta dihantar ke makmal untuk dianalisis bertujuan menentukan kriteria dari segi fizik-kimia dan biologi. Indeks Kualiti Air (IKA) digunakan untuk mengukur tahap pencemaran dan kesesuaian jenis guna air seperti yang digariskan oleh Standard Kualiti Air Negara. IKA telah mengambil kira 6 parameter iaitu Oksigen Terlarut, Keperluan Oksigen Biokimia, Keperluan Oksigen Kimia, Ammonia Nitrogen, Pepejal Terampai dan pH. Di Sarawak terdapat 117 buah stesen pengawasan kualiti air sungai yang memantau kualiti 62 batang sungai yang terdiri daripada 22 lembangan sungai. Pada tahun 2018, sejumlah 702 persampelan dilaksanakan dan dianalisis, daripada keputusan pengawasan tersebut, sebanyak 38 batang sungai dikategorikan dalam kategori Bersih, 23 batang sungai lagi dikategorikan sebagai sederhana tercemar manakala 1 batang sungai dikategorikan sebagai tercemar. Suka diingatkan bahawa menjaga sungai adalah tanggungjawab kita bersama dan sebagai rakan saintis sungai, murid-murid perlu sentiasa mengambil tahu keadaan sungai kita. Inilah sebenarnya apa yang kami cuba ketengahkan dalam program ini walaupun di dalam masa yang singkat (1 ½ hari) sahaja. Walaupun tanpa peralatan yang canggih, pemerhatian mata kasar terhadap warna, bau dan permukaan air sungai juga boleh kita tentukan punca pencemarannya untuk kita tangani. Malah kita boleh pergi lebih jauh dengan meramalkan apa yang bakal terjadi dan kawasan mana yang berpotensi terkesan.

Hadirin sekalian,

10. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen tinggi masing-masing terhadap pelaksanaan Program Rakan Saintis Sungai Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) tahun 2019 ini, terutamanya kepada pihak Chemical Company of Malaysia Berhad, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak, Lembaga Sungai-Sungai Sarawak, Lembaga Air Kuching dan World Wide Fund For Nature (WWF) kerana sudi bekerjasama dan memastikan pelaksanaan program ini berjalan dengan jayanya. Pendek kata, anda semua merupakan tulang belakang terhadap kejayaan penganjuran program kali ini. Semoga melalui program sebegini, inisiatif menangani isu-isu pencemaran alam sekitar dapat ditingkatkan dalam usaha kita memelihara dan memulihara alam sekitar. Sokongan dan kerjasama semua adalah penting bagi menjamin keselamatan, kesihatan dan persekitaran ini terus berkekalan demi kesejahteraan dan keharmonian sejagat.

11. Akhir kata dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, dengan sukacitanya saya menutup dengan rasminya Program Rakan Saintis Sungai Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) bagi tahun 2019.

Sekian. Terima kasih.